

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan rizab kewangan negara hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan rizab antarabangsa negara yang terkini iaitu pada 15 Mac 2018 adalah berjumlah sebanyak RM420.4 bilion (USD103.9 bilion). Ia juga memadai untuk membiayai 7.3 bulan import tertangguh, melebihi paras ambang (*threshold*) antarabangsa iaitu 3 bulan. Di samping itu, kedudukan rizab ini mencukupi untuk menampung 1.1 kali tuntutan hutang luar negeri jangka pendek.

2. Kedudukan rizab terkini telah meningkat lebih kurang tujuh kali ganda berbanding paras rizab pada ketika krisis kewangan Asia 1997/98 yang berjumlah RM59.1 bilion. Paras rizab yang stabil ini telah mengukuhkan lagi daya tahan ekonomi negara dan keupayaan Malaysia untuk menghadapi cabaran ekonomi dunia yang tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar mempengaruhi kedudukan rizab antarabangsa negara. Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa memantau kedudukan rizab antarabangsa dengan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan paras rizab kekal pada kedudukan yang stabil supaya ia dapat berperanan sebagai penampan bagi memenuhi obligasi luaran.